# LAGU RASMI NEGERI PERLIS

# **“AAMIIN-AAMIIN”**

Lagu Rasmi Negeri Perlis telah diperkenankan oleh Raja Syed Alwi Jamalullail. Pada peringkat awalnya, lagu ini dikenali dengan nama "Puji Raja" dan kemudian dikenali dengan nama "Aamiin-Aamiin" yang membawa maksud "perkenankanlah hendaknya, Ya Allah".



DYMM Syed Alwi ibni al-Marhum Syed Saffi Jamalullail

Lagu yang indah ini dicipta oleh seorang ulama reformis di Arau, Syeikh Hasan Sarbini dan diperindahkan gubahannya oleh Nazir Sekolah Agama Perlis, Tuan Haji Mohammad bin Haji Ahmad Arshad pada tahun 1939 serta dinyanyikan bersempena perasmian bangunan baru Istana Arau.



Lagu Rasmi Negeri Perlis versi "Puji Raja" mempunyai 13 baris manakala versi "Aamiin-Aamiin" mempunyai 5 baris terawal sahaja.

Lirik versi "Puji Raja":

Amin, aminYa Rabbal Jalil
Doa hamba yang sangat zalil
Tinggikan daulat serta adil
Kekal perintah Jamalullail.

Rabbana, Ya Rabbana
Adim lana malikana
Sultanana Syed Alwi
Ya malajna 'an lil qasidina
Narjuka kun 'aunanlahu
Daiman ja'altahu
Mustasfiaan lil muslimin
Ya Mujibas Sa ilina.





Lirik Lagu Rasmi Negeri Perlis yang mempunyai maksud yang mendalam ini kemudiannya mengalami sedikit perubahan apabila DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berkenan dengan saranan Jawatankuasa Adat Istiadat Melayu Perlis



yang dipengerusikan oleh DYTM Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Yang DiPertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) untuk dilaksanakan penetapan lirik seperti berikut:

Aamiin, aamiin,
Ya Rabbil Jalil
Doa hamba yang sangat zalil
Tinggikan Daulat serta adil
Kekal perintah Jamalullail

Tatacara nyanyian Lagu "Aamiin-Aamiin" dilaksanakan seperti berikut:

i- Berdiri dalam keadaan sedia, kepala menunduk sedikit, dan tidak mendongak ke atas bagi menunjukkan sikap merendah diri, sesuai dengan isi kandungan lagu. (Dikecualikan ketika meraikan kemenangan dalam program sukan atau ketika Bendera Negeri sedang dinaikkan)

ii- Tangan kanan diletakkan di atas tangan kiri (bersedekap) serta diletakkan di hadapan bahagian bawah.

iii- Dalam melaksanakan tatacara berkenaan, pihak pakaian beruniform adalah dikecualikan dari pematuhan dan terikat dengan tatacara sedia ada.






GARIS PANDUAN TATACARA
MEMAINKAN DAN MENYANYIKAN
LAGU RASMI NEGERI PERLIS
"AAMIIN-AAMIIN"
1. TUJUAN
2. LATAR BELAKANG
3. OBJEKTIF
4. TAFSIRAN
5. MEMAINKAN LAGU NEGERI
6. LIRIK LAGU NEGERI PERLIS
7. TATACARA NYANYIAN & MENDENGAR MAINAN LAGU NEGERI
8. PENUTUP

# SKOR LAGU NEGERI "AAMIIN-AAMIIN"

